

20 FEB 2004

Najib-BN

NAJIB MINTA RAKYAT KEDAH TERUS SOKONG BN

ALOR STAR, 20 Feb (Bernama) -- Datuk Seri Najib Tun Razak meminta rakyat negeri ini terus memberi sokongan kepada kerajaan pimpinan Barisan Nasional (BN) supaya agenda pembangunan yang dirancang dapat diteruskan.

Timbalan Perdana Menteri sambil melahirkan keyakinan BN akan memenangi dengan cemerlang pilihan raya umum akan datang berkata pembangunan dapat disalurkan lebih berkesan sekiranya kerajaan negeri dipimpin oleh parti yang sama dengan kerajaan pusat.

"Saya telah mendengar taklimat berkaitan agenda pembangunan di Kedah menerusi Pelan Kedah Maju 2010, saya amat tertarik dengannya tetapi hanya dengan hubungan baik kerajaan pusat dan negeri, pembangunan mampu diteruskan bagi melonjak Kedah menjadi lebih cemerlang," katanya pada Majlis Mesra Rakyat di Padang Awam Taman Seri Putra, Kuala Kedah di sini.

Yang turut hadir ialah Menteri Besar Datuk Seri Syed Razak Syed Zain.

Katanya walaupun lawatan ini merupakan yang pertama beliau lakukan ke Kedah sejak dilantik sebagai Timbalan Perdana Menteri namun sambutan yang diterima meyakinkan bahawa BN dapat mempertahankan Kedah pada pilihan raya umum nanti selain mencapai kemenangan lebih baik.

Najib berkata, Kedah akan terus mendapat perhatian kerajaan pusat walaupun tokoh yang banyak berjasa kepada negeri ini iaitu bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad tidak lagi memegang jawatan berkenaan.

"Jangan anggap apabila Dr Mahathir sudah tidak lagi memegang jawatan Perdana Menteri, kerajaan pusat akan abaikan negeri ini," katanya.

Timbalan Perdana Menteri turut memberi jaminan bahawa golongan nelayan, petani dan penternak akan terus diberi pembelaan sewajarnya untuk bersama-sama mengecapi nikmat pembangunan.

Katanya beliau akan mengikut jejak langkah Allahyarham bapanya Tun

Razak Hussein, semasa memegang tampuk pemerintahan negara telah berusaha keras membela nasib golongan berkenaan.

"Saya tidak mahu janji apa yang tidak dapat ditunaikan tetapi semangat

Allahyarham bapa saya yang masih mengalir dalam tubuh saya akan menggerakkan saya untuk meneruskan usaha beliau itu," katanya.

-- BERNAMA

MAN MZM BK